

Kuartet UPM sukar digugat

[Malik Muhamad](#)

sukanteam@nstp.com.my



Kuala Terengganu: Trek basah akibat hujan sebelum pertandingan bermula tidak menghalang kuartet Universiti Putra Malaysia (UPM) mempertahankan pingat emas dalam acara 4x100 meter (m) campuran.

Turut cemerlang kuartet 4x400 m campuran mereka apabila meraih pingat emas kedua kontinjenjnya pada Kejohanan Olahraga Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Zon Timur Sirkuit ke-4 yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini di Stadium Ragbi Sultan Muhammad Ismail, di Gong Badak.

Pelari kebangsaan, Muhammad Zulfiqar Ismail, 23, yang beraksi dalam kategori 4x100 bersama rakan sepasukannya, Azreen Nabila Alias, Mohd Rizzua Haizad Muhamad, 25 dan Nurul Ashikin Anas, 22, tidak berdepan masalah walaupun terpaksa beraksi di trek basah.

"Kami begitu gembira kerana dapat mempertahankan gelaran juara selepas Sirkuit ke-2 dan ketiga saya tidak bersama rakan sepasukan, gelaran juara ini kali keempat bermula Sirkuit pertama dalam Kejohanan Olahraga IPT ini.

"Jadi untuk sirkuit terakhir di Kuala Lumpur bulan depan, sudah pasti kami mahu melakar kemenangan kelima berturut-turut untuk mencipta sejarah pertama dalam kejohanan edisi sulung ini," kata Azreen Nabila.



KUARTET UPM muncul juara 4x100 meter (m) campuran. FOTO Ghazali Kori

Pelari skuad Olimpik kebangsaan kelahiran Setiu itu berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyampaian pingat di stadium berkenaan yang disempurnakan Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Sukan Bahagian Perancangan Strategik Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Dr Pekan Ramli.

Sementara itu pelari kuartet 4x400 m, Teoh Kim Ling, 25 berkata, dia dan rakan sepasukannya, Anas Ariffin, 22, Muhamad Firdaus Mohamad Zemi, 22 dan Mandy Goh Li, 22, akui sedikit sukar kerana terpaksa beraksi di trek basah akibat hujan.

"Walaupun beraksi dalam keadaan padang basah yang sudah tentu sedikit sebanyak mengganggu rentak larian, namun menang kali keempat berturut-turut adalah rezeki kami.

"Perancangan selepas ini kami mahu mengakhiri sirkit dengan gelaran juara, lagipun kami juga sedang berusaha untuk menempatkan diri dalam temasya Sukan Sea di Kemboja tahun depan dalam acara yang sama," katanya ketika ditemui.

Kedudukan terkini selepas berakhirnya saingan hari pertama, kontinjen UPM mendahului dengan mengumpul empat pingat emas, satu perak dan dua gangsa, diikuti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan meraih dua emas dan satu perak.

Disiarkan pada: November 11, 2022 @ 9:20pm